

TULISAN: SITI SHAHILA AHMAD
GAMBAR: MOHD FIRDAUS MOHD JOHARI

JIKA dulu wanita takut untuk melakukan aktiviti lasak dan merbahaya namun kini, semuanya berubah. Kaum hawa pada zaman moden ini lebih berfikiran terbuka dan berani melakukan pelbagai perkara seperti kaum adam. Jadi tidak hairanlah jika hari ini kita lihat wanita mula memanjat gunung, bermain sukan lasak ataupun merentas benua.

Daripada akauntan ke jurulatih skuba

Bagi mereka tidak ada yang mustahil jika sudah ada minat yang mendalam. Begitu juga yang dilakukan oleh gadis muda ini. Bakal memasuki usia 26 tahun, Cyrena Yong memiliki pengalaman yang luas dalam dunia menyelam. Dia bukan sahaja boleh menyelam malah, menjadi jurulatih menyelam dan berenang serta memiliki syarikat sendiri. Aktiviti yang pada awalnya hanya minat kini menjadi kerjayanya. Semuanya bermula pada 2005 selepas dia memasuki kelas berenang dan jurulatih yang mengajarnya bertanggungjawab memperkenalkan Cyrena dengan dunia ini. Sehingga kini, dia menyelam lebih 700 kali di beberapa pulau di dalam dan luar negara.

"Selepas tamat kelas renang, atas nasihat jurulatih dan rakan, saya menjalani latihan menyelam sehingga menerima sijil Open Water



Cantik dan menakjubkan.

Diver. Tidak cukup dengan itu, saya menyambung latihan sebagai jurulatih sehingga melayakkan saya mendapat sijil dan lesen Open Diver Instructor pada 2008. Sejak detik itu saya terus berusaha meningkatkan kemahiran dan kejayaan dalam bidang ini."

Dolphin Sport Adventure bukti cintanya

Kerjaya awalnya hanyalah sebagai



Panorama indah hidupan laut.

akauntan, tetapi kini dia berjaya menyandang jawatan sebagai pengarah di dalam syarikat yang ditubuhkan demi cintanya pada dunia menyelam. Dolphin Sport Adventure adalah dunianya kini. Walaupun baru sahaja berusia empat tahun, dia berpuas hati kerana impiannya kini menjadi kenyataan.

"Dulu kehidupan saya seperti orang lain. Bekerja dari pagi hingga malam dan hanya berada di dalam pejabat. Namun, selepas diperkenalkan

dengan aktiviti menyelam, semuanya berubah. Kehidupan saya menjadi lebih berwarna-warni dan ceria seperti keindahan di dasar laut." Padanya, kecantikan dasar laut harus dikongsi bersama. Syarikatnya menyediakan pelbagai latihan dan perkhidmatan terbaik bagi sesiapa



Ketika mengajar kanak-kanak menyelam.

sahaja yang berminat untuk menyertai aktiviti ini.

Antara yang disediakan ialah kelas menyelam, berenang, latihan kecemasan dan menyelamatkan diri, serta menjual, memberi pinjaman dan membaik pulih peralatan menyelam. Berkonsepkan pusat latihan, syarikat ini berjaya menarik minat orang ramai tidak kira golongan muda atau tua untuk menyertainya. Tambahnya lagi, kebanyakan pelajarannya terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat serta kerjaya. Bermula daripada individu profesional dan selebriti hinggalah kepada suri rumah tangga.

"Kami tawarkan pelbagai kemudahan menarik untuk mereka. Oleh sebab itu, pusat ini sering menjadi pilihan orang ramai. Bukan hanya latihan malah, kami juga memberi perkhidmatan perundingan mengenai kelengkapan menyelam dan merancang serta menganjurkan lawatan ke lokasi menyelam di dalam serta luar negara."

Mahu teroka semua lautan

Bercerita mengenai pengalaman pertamanya ketika menyelam, Cyrena bagaikan berada di dunia lain yang sungguh cantik. Dia terpukau dengan kehidupan dasar laut yang penuh keajaiban. Lantas tidak pernah menyesal dengan keputusannya untuk menceburi bidang ini.

Baginya, dengan menyelam dia peroleh ketenangan dan kedamaian. Tiada tekanan kerja serta jauh daripada kebisingan kota. Selain kepuasan, dia juga berpeluang untuk berjumpa dengan ramai orang dari seluruh negara dan ini adalah satu pengalaman yang indah untuk dinikmati. "Menyelam membuatkan saya tenang dan kekal bertenaga. Selain itu, aktiviti ini juga



membolehkan saya meneroka ke dalam lautan yang luas serta berenang bersama pelbagai jenis hidupan laut yang unik dan cantik. Bukan itu sahaja, saya juga kini lebih menghormati dan menjaga alam sekitar terutama lautan." Setiap perkara yang dilalui pasti ada perkara pahit dan manis yang terpaksa ditempuhi. Begitu juga dengan Cyrena yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran sebelum mampu mengecap kejayaan seperti hari ini.

"Peristiwa yang paling saya tidak akan lupa ialah sewaktu saya mengambil keputusan untuk mengikuti latihan jurulatih menyelam. Waktu itu saya terpaksa berjauhan dengan keluarga selama sebulan dan sepanjang tempoh itu saya jatuh sakit. Bukan itu sahaja, saya juga sukar untuk memahami apa yang diajar kerana semuanya menggunakan bahasa Inggeris. Walaupun pada awalnya susah,

akhirnya saya berjaya untuk memiliki sijil itu.

Namun kini, dia mampu tersenyum bangga kerana kerja kerasnya membuahkan hasil. Dengan menyelam, dia mampu pergi ke merata tempat dan mempelajari pelbagai perkara. Padanya, setiap lautan yang diterokai memiliki keistimewaan tersendiri dan Cyrena menanam impian untuk menyelam di Laut Merah, Afrika Selatan dan Laut Caribbean.

"Saya harap saya dapat melihat haiwan terbesar di dunia di sana. Itu adalah impian dan cabaran bagi saya untuk merealisasikannya. Selain itu, saya juga berharap agar syarikat ini boleh menjadi pusat akuatik terbesar di Malaysia dan mahu mengembangkan bakat di dalam bidang fotografi dasar laut," katanya mengakhiri perbualan pada pagi itu.



Cyrena bergambar kenangan bersama Belinda Chee.



Bersama sebahagian pelajar.